

**DI DALAM MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH TERENGGANU**  
**DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN**

**DALAM PERKARA PERMOHONAN PENGESAHAN PERCERAIAN**

**RAYUAN MAL NO: 1234 - 123 - 12344 - 2018**

**ANTARA**

AAAA BT BBBB

KP :123456-11-1234

...PERAYU

**DENGAN**

CCCCC BIN DDDD

KP :333333-11-4444...RESPONDEN

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI RAYUAN SYARIAH**  
**TERENGGANU**  
**DI KUALA TERENGGANU**  
**DI NEGERI TERENGGANU**

**DALAM PERKARA PERMOHONAN PENGESAHAN PERCERAIAN**

**RAYUAN MAL NO: 55555-555-55555-2017**

**ANTARA**

AAAA BT BBBB

KP :123456-11-1234

...PERAYU

**DENGAN**

CCCCC BIN DDDD

KP :333333-11-4444 ...RESPONDEN

**DI HADAPAN PANEL RAYUAN:**

Y.A. Dato' Haji Mohd Yazid bin Haji Mustafa

... Pengerusi

Y.A. Dato' Haji Abdul Walid bin Abu Hassan

... Ahli

Y.A. Tuan Haji Rosdi bin Harun

... Ahli

**PADA HARI AHAD, 14 OKTOBER 2018**  
**BERSAMAAN 05SAFAR 1440H**

Peguam Syarie Perayu:

Ummu Abihah Binti Mohd Roslandari Tetuan Khairul Sofian Anuar & Co.

Peguam Syarie Responden:

Wan Mohd Azziadidari Firma Guaman Syarie Wan Mohd Azziadi

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**1. FAKTA KES**

1.1 Perayu dan Responden telah berkahwin pada 16/11/2007 bertempat di Masjid Kampung XXXX, 12345XXXX, Terengganu dengan berwalikan bapa kandung Perayu.

1.2 Pada 3/11/2015 kira-kira jam 4.12 petang melalui satu panggilan telefon, Responden telah menceraikan Perayu dengan lafaz:

*"Dengan ini AAAA BT BBBB, saya ceraikan awak dengan talak tiga".*

1.3 Kes dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang yang mana Responden bertindak sebagai Pemohon dan Perayu sebagai Responden. Keputusan dibuat pada 12 Januari 2016 tanpa kehadiran Perayu (Responden) di mana Mahkamah mensabitkan bahawa telah berlaku perceraian dengan perceraian talaq tiga kali pertama (Bain Kubra).

1.4 Seterusnya Perayu memfailkan Notis Rayuan pada 25/1/2016 di Mahkamah Tinggi Syariah. Permohonan rayuan tersebut diluluskan dan diperintah sambung bicara yang mana keterangan responden secara iqrar bahawa responden telah melafazkan cerai terhadap perayu sebagaimana tarikh 12 Januari 2016 adalah dikekalkan.

1.5 Pada 16/2/2017, Hakim bicara telah membuat keputusan sepertimana berikut:

1.5.1 **SAYA sabit** telah berlaku perceraian antara CCCCC BIN DDDD, KP: 333333-11-4444 Pemohon/suami dengan AAAA BT BBBB No. KP:123456-11-1234 Responden/isteri pada 03 November 2015 dengan perceraian **talak tiga kali pertama (Bain Kubra)**. Perceraian berlaku di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah.

1.5.2 **SAYA sabit** lafaz cerai yang telah dilafazkan oleh Pemohon/suami di luar Mahkamah ialah lafaz soreh iaitu, "*Dengan ini AAAA BT BBBB, saya ceraikan awak dengan talak tiga*".

1.5.3 **SAYA sabit** berdasarkan kepada keterangan Pemohon/Suami semasa berlaku perceraian Responden/Isteri berada dalam keadaan tidak suci (haid). Datang haid 7-8 hari setiap bulan. Oleh itu, SAYA perintah AAAA BT BBBB No. KP:123456-11-1234 Responden/isteri hendaklah beriddah dengan

iddah tiga kali suci bermula dari tarikh perceraian berlaku pada 03 November 2015 sehingga kedatangan haid yang ketiga, tidak termasuk haid semasa diceraikan.

1.5.4 **SAYA perintah** Surat Perakuan Nikah No 33333 Bilangan 00-0123-0000-11111 yang dikeluarkan oleh Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam Daerah Marang, Terengganu hendaklah diserahkan kepada Mahkamah untuk urusan pembatalan.

1.5.5 **SAYA memberi** kebenaran kepada pihak-pihak untuk memfailkan sebarang tuntutan lain ke Mahkamah ini jika ada.

1.5.6 SAYA memberi pengiktirafan bahawa alamat penyampaian terakhir bagi pihak-pihak adalah seperti berikut :-

a) CCCCC BIN DDDD,  
Lot 1234, Kg YYYYY,  
10000 UUUUU, Terengganu.

b) AAAA BT BBBB,  
Lot 1234, Kg YYYYY,  
10000 UUUUU, Terengganu.

1.5.7 **SAYA perintah** kos ditanggung oleh pihak-pihak.

1.6 Perayu tidak berpuashati dengan keputusan tersebut dan memfailkan notis rayuan dan memasukkan alasan rayuan pada 2 Ogos 2017. Pada 15 Januari 2018, Mahkamah Tinggi Rayuan Syariah telah membuat keputusan berikut:

1.6.1 **SAYA TIDAK BENARKAN** rayuan Perayu, AAAA BT BBBB No. KP:123456-11-1234;

1.6.2 **SAYA PERINTAHKAN** keputusan Mahkamah Rendah Syariah XXXX berkenaan sabitan perceraian talaq tiga kali pertama (Bain Kubra) dalam permohonan No : 1111-111-1111-2015 yang bertarikh 16 Februari 2017 bersamaan 19 Jamadil Awal 1438H **dikekalkan**.

1.7 Perayu masih tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi Rayuan Syariah dan membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu pada 25 Januari 2018. Perayu telah memasukkan Permohonan Kebenaran Merayu ke dalam Mahkamah Rayuan Syariah pada tarikh tersebut. Pada 8 April 2018, Mahkamah Rayuan Syariah Terengganu membenarkan permohonan kebenaran merayu Perayu.

1.8 Pada 12 April 2018, Perayu memasukkan Notis Rayuan kerana tidak berpuashati terhadap keseluruhan keputusan

YA Hakim Mahkamah Tinggi Rayuan Syariah Terengganu yang mengekalkan keputusan Hakim Bicara Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang.

## **2. ALASAN RAYUAN**

2.1 Perayu telah memfailkan Notis Rayuan pada 12/4/2018. Manakala Alasan Rayuan difailkan pada 15/05/2018. Alasan-alasan Perayu adalah seperti berikut:

2.1.1 YA Hakim Bicara Mahkamah Tinggi (Rayuan) Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan Hukum Syarak apabila mengekalkan sabitan talaq tiga kali pertama (bain kubra) oleh Hakim Bicara Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang berdasarkan lafaz yang dibuat oleh Responden pada 03 November, 2015 iaitu:

“Dengan ini AAAA BT BBBB, Saya ceraikan awak dengan talaq tiga”

Sebagai lafaz cerai sedangkan pada masa tersebut Responden sedang mengalami gangguan dari makhluk halus sehingga tidak menyedari apa yang diucapkan;

2.1.2 YA Hakim Bicara Mahkamah Tinggi (Rayuan) Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan Hukum Syarak apabila mengekalkan sabitan talaq tiga kali pertama (bain

kubra) oleh Hakim Bicara Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang berdasarkan kepada lafaz cerai yang dibuat oleh Responden tanpa mengambil kira iqrar perayu bahawa responden sedang mengalami gangguan makhluk halus semasa mengucapkan lafaz cerai berkenaan;

2.1.3 YA Hakim Bicara Mahkamah Tinggi (Rayuan) Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengekalkan sabitan talaq tiga kali pertama (bain kubra) oleh Hakim Bicara Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang berdasarkan kepada lafaz cerai yang dibuat oleh Responden tanpa mengambil kira bahawa sebagai orang awam kemungkinan besar Responden tidak tahu bagaimana untuk memaklumkan kepada Mahkamah keadaan beliau semasa melafazkan lafaz cerai tersebut disebabkan tidak memahami prosiding Mahkamah;

2.1.4 YA Hakim Bicara Mahkamah Tinggi (Rayuan) Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengekalkan sabitan talaq tiga kali pertama (bain kubra) oleh Hakim Bicara Mahkamah Rendah Syariah Daerah Marang apabila menyatakan Responden berada dalam keadaan siuman dan berakal semasa lafaz

cerai tersebut dibuat sedangkan Responden sedang mengalami gangguan makhluk halus;

- 2.1.5 YA Hakim Bicara Mahkamah Tinggi (Rayuan) Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengekalkan sabitan talaq tiga kali pertama (bain kubra) namun gagal menimbang perubahan sikap Responden yang berlaku secara mendadak adalah merupakan di antara petanda bahawa beliau mengalami masalah gangguan;
- 2.1.6 YA Hakim Bicara Mahkamah Tinggi (Rayuan) Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengekalkan sabitan talaq tiga kali pertama (bain kubra) dengan menyatakan bahawa keterangan SP-4 hanya bertaraf bayyinah semata-mata tanpa mengambil kira bahawa perkara yang berlaku ini sememangnya diketahui oleh keluarga terdekat sahaja menurut kelazimannya;
- 2.1.7 YA Hakim Bicara Mahkamah Tinggi (Rayuan) Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengekalkan sabitan talaq tiga kali pertama (bain kubra) dengan menyimpulkan keterangan SP-2 seolah-olah tidak wujud gangguan makhluk halus dalam diri



Responden sedangkan pada masa yang sama SP-2 adalah salah seorang perawat yang merawat Responden sehingga pulih dari gangguan tersebut;

2.1.8 YA Hakim Bicara Mahkamah Tinggi (Rayuan) Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengekalkan sabitan talaq tiga kali pertama (bain kubra) dengan menyatakan bahawa keterangan SP-1 yang dikemukakan kepada Mahkamah semasa hari perbicaraan yang lalu bukanlah "*hostile witness*".

2.1.9 YA Hakim Bicara Mahkamah Tinggi (Rayuan) Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengekalkan sabitan talaq tiga kali pertama (bain kubra) namun menyatakan bahawa keterangan yang diberikan oleh Perayu tidak boleh diiktiraf sebagai syahadah sedangkan kes ini adalah melibatkan isu perceraian di antara Perayu dan Responden. Sebarang iqrar yang diucapkan oleh Responden adalah berstatus syahadah;

2.1.10 YA Hakim Bicara Mahkamah Tinggi (Rayuan) Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengekalkan sabitan talaq tiga kali pertama (bain kubra) tanpa menimbangkan untuk Responden dan Perayu

dikehendaki bersumpah laknat bagi mengelakkan sebarang tohmah sebelum membuat keputusan;

2.1.11 YA Hakim Bicara Mahkamah Tinggi (Rayuan) Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengekalkan sabitan talaq tiga kali pertama (bain kubra) namun gagal menimbangkan bahawa Responden adalah seorang pegawai di Pejabat XXX YYY Negeri Terengganu dan sudah pasti mengetahui implikasi dari segi balasan menurut Hukum Syarak jika sekiranya beliau bersumpah bohong di dalam Mahkamah;

2.1.12 YA Hakim Bicara Mahkamah Tinggi (Rayuan) Syariah Terengganu telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengekalkan sabitan talaq tiga kali pertama (bain kubra) namun gagal dan/enggan memberi sebarang pertimbangan yang wajar terhadap keseluruhan fakta kes ini;

2.1.13 Dan lain-lain alasan lanjut yang akan dikemukakan kelak di dalam Penghujahan Bertulis Perayu.

### **3. ULASAN / DAPATAN MAHKAMAH RAYUAN**

3.1 Kami dapati alasan rayuan kes ini adalah sama seperti alasan rayuan sebelum ini. Justeru itu, isu utama di dalam kes rayuan ini adalah:

**Sama ada YA Hakim Bicara Mahkamah Tinggi Rayuan Syariah Terengganu telah terkhilaf dalam mensabitkan perceraian di antara Perayu dan Responden dengan mengekalkan keputusan Hakim Bicara Mahkamah Rendah Syariah Marang.**

- 3.2 Dalam meneliti isu ini, antara persoalan yang perlu diberi perhatian adalah **sama ada Perayu berjaya membuktikan atau meyakinkan Mahkamah bahawa terdapat elemen sihir ke atas Responden sehingga menyebabkan berlakunya perceraian.**
- 3.3 Bagi menjawab isu dan persoalan ini, kami melihat kepada keseluruhan fakta dan prosiding kes yang bermula di Mahkamah Rendah sehinggalah keputusan Mahkamah Tinggi Rayuan Syariah dibuat. Di dalam kes ini, iqrar Responden berkenaan lafaz talaq pada peringkat awal prosiding dikekalkan dan dipegang oleh Mahkamah melainkan dibuktikan sebaliknya oleh Perayu berkenaan elemen sihir.
- 3.4 Ini adalah merujuk kepada pensabitan talaq atau perceraian berdasarkan iqrar suami, di dalam kitab Iaanat al-Talibin, juzuk keempat, pada halaman 27 ada menyebut;

إِنَّمَا يُثَبِّتُ الطَّلَاقَ كَالْأَيْ قُرَارِ بَشَاهِدَةٍ رَجُلَيْنِ حُرَّيْنِ عَدْلَيْنِ

Maksudnya:

“Sesungguhnya talaq itu disabitkan dengan persaksian dua orang lelaki yang adil lagi merdeka, sebagaimana ianya **disabitkan dengan iqrar adanya talaq oleh suami.**”

- 3.5 Di dalam kitab Iaanat al-Talibin juzuk ketiga, pada halaman 187 pula ada menyebut;

هُوَ لُغَةٌ الْأَعْيَانُ تَوْشَرُ عَاِخْتِيَارُ الشَّخْصِ حَقِّعَلَيْهِمْ وَيُسَمَّى عِتْرَافًا

Maksudnya:

“Iqrar dari segi bahasa bererti **mensabitkan**, manakala mengikut syarak diertikan sebagai memberitahu hak seseorang atas diri pemberitahu itu. Iqrar disebut juga sebagai iktiraf.”

- 3.6 Kami juga merujuk kepada peruntukan Hukum Syarak sebagaimana ditaginkan di dalam undang-undang. Di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, seksyen 17 ada memperuntukkan;

(1) **Iqrar ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang secara bertulis atau lisan atau isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap seseorang lain berkenaan sesuatu hak.**

(2) Sesuatu iqrar hendaklah dibuat-

- (a) Di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim; atau
- (b) Di luar Mahkamah di hadapan dua orang saksi lelaki yang `aqil, baligh dan `adil.

(3) Sesuatu iqrar yang berhubungan dengan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan ialah **qarinah**.

3.7 Mahkamah seterusnya telah merujuk kepada perkara 3(2)(d) dalam **Arahan Amalan No 10 Tahun 2007** yang berkuatkuasa pemakaiannya mulai 15 Jun 2007. Arahan Amalan tersebut adalah sebagaimana berikut:

“Sekiranya suami mengaku dan mahkamah berpuas hati hendaklah mensabitkan talak itu.”

3.8 Kemudian, di peringkat rayuan Perayu membangkitkan adanya unsur sihir ke atas Responden dan lafaz talaq tersebut adalah di bawah pengaruh sihir. Kami mendapati bahawa Perayu telah menjadikan faktor sihir sebagai pembelaan dalam kes perceraian ini dan merupakan *afterthought* Perayu dan Responden. Kami juga dapati bahawa pada peringkat awal prosiding perbicaraan, pihak Perayu selaku Responden pada masa itu tidak hadir ke perbicaraan dan tidak memfailkan apa-apa Affidavit Jawapan sebagai menjawab ke atas kes permohonan pengesahan perceraian tersebut dan membiarkan masa berlalu begitu sehingga selepas tiga belas hari dari tarikh keputusan.

3.9 Menurut **Dr. Mahyuddin bin Ismail**, di dalam artikelnya bertajuk '**Kena Sihir**' Sebagai Satu Pembelaan Dalam Kes Perceraian: Analisa Dari Sudut Hukum Syara' Dan Pengaplikasiannya Di Mahkamah Syariah Di Malaysia menyatakan bahawa:

*"untuk merealisasikan bentuk pembelaan ini, beban pembuktian oleh pihak yang mendakwa akan diperincikan.*

*Bagi kes cerai talaq, sekiranya:*

- a) *seorang suami mendakwa talaq dilafazkan dalam keadaan dirinya dipengaruhi sihir; atau,*
- b) ***seorang isteri mendakwa suaminya melafazkan talaq dalam keadaan diri suami tersebut dipengaruhi sihir;***

*maka pihak yang mendakwa perlu membuktikan kepada mahkamah bahawa:*

- i) *wujud tanda-tanda dan 'simptom-simptom lazim terkena sihir' pada diri suami;*
- ii) *suami mengalami ketidak warasan/ ketidak sempurnaan akal akibat terkena sihir semasa beliau melafazkan talaq.*
- iii) *ketidak warasan pemikiran akibat terkena sihir itu menjejaskan kebolehan untuk mempertimbangkan apa yang dilakukannya itu benar atau salah.*

Oleh itu, sekiranya seorang suami mendakwa bahawa dia telah menceraikan isterinya dalam keadaan akalnya tidak sempurna akibat terkena sihir, maka beban pembuktian adalah ke atas beliau untuk menunjukkan bahawa wujudnya 'simptom lazim terkena sihir' ke atas diri beliau dan sihir tersebut benar-benar menyebabkan beliau hilang kewarasan akal. Manakala jika seorang isteri mendakwa suaminya telah menceraikannya dalam keadaan akal suami tersebut tidak sempurna akibat terkena sihir, **maka beban pembuktian adalah ke atas isterinya untuk membuktikan bahawa wujudnya simptom lazim terkena sihir pada diri suaminya dan sihir tersebut benar-benar menyebabkan suaminya hilang kewarasan akal.**

Merujuk kepada Hadis Rasulullah ﷺ, daripada 'Abdullah bin al-'Ash r.a:

**البينة على المدعي واليمين على المدعى عليه**

*"Al-bayyinah itu ke atas pihak yang mendakwa dan sumpah itu diminta daripada tertuduh" (Diriwayat oleh al-Tarmizi (1341))*

- 3.10 Adakah Perayu berjaya membuktikan unsur sihir tersebut? Mahkamah dapati melalui keterangan lisan Perayu Mahkamah merumuskan bersetuju dengan Hakim Bicara bahawa perubahan Responden adalah menjurus ke arah perubahan seorang lelaki apabila mempunyai hubungan sulit

dengan wanita lain dan menyembunyikan “kesalahan” tersebut dari pengetahuan isterinya. Tambahan lagi, tiada sebarang bukti secara fizikal dan saksi-saksi yang menyokong keterangan Perayu bagi menunjukkan wujudnya unsur sihir. Diingatkan di sini bahawa saksi yang dikemukakan dalam prosiding terdahulu adalah saksi-saksi bagi pihak Responden/Suami.

3.11 Merujuk kepada keterangan SP1 iaitu bakal mertua Responden tiada unsur sihir disentuh. Keteranganannya hanya menjurus kepada perhubungan Responden dan anaknya serta menjelaskan keadaan Responden semasa melafazkan talaq tersebut.

3.12 Seterusnya kami merujuk kepada keterangan SP2, tiada pengakuan atau keterangan yang jelas bahawa Responden dalam pengaruh sihir. SP2 juga merupakan saksi yang tiada berkepentingan kepada mana-mana pihak dan diiktirafkan sebagai saksi pakar. Berdasarkan Nota Keterangan (rujuk Rekod Rayuan m/s 16):-


*"Saya juga titik beratkan pada pesakit yang mana kita tidak boleh dituduh orang buat sesuatu pada kita jika yang pertama kita sendiri tak nampak pun perbuatan orang itu dan juga jika orang yang dituduh itu tidak mengaku. Bila ada pesakit datang dan kata sakit sebab buatan orang saya akan terus tanya begitu. Saya tidak mahu timbulkan fitnah dan juga tidak mahu buka aib orang.*



*Kesimpulannya pada sesi rawatan saya dapat simpulkan yang P memang ada dapat gangguan. Tapi sebagaimana yang saya kata tadi kita tidak boleh tuduh orang buat sesuatu pada kita jika yang pertama kita sendiri tak nampak pun perbuatan orang itu dan juga jika orang itu tidak mengaku. Sebagaimana yang nabi pernah kata bila keadaan emosi tidak stabil senang syaitan atau jin nak masuk dalam tubuh badan. Gangguan ghaib kebiasaanya memang akan mengganggu akal dan emosi."*

3.13 Begitu juga dengan SP3 tiada menyebut unsur sihir. Manakala keterangan SP4 pulalah kepada perubahan hubungan Responden dengan SP4. SP4 juga hanya bertanya kepada orang kampung dan berjumpa dengan bomoh yang dikenali sebagai Pok Li dan tidak dipanggil sebagai saksi.

3.14 Berhubung dengan dakwaan latar belakang Responden yang mempunyai pendidikan agama dan seorang hafiz quran juga tidak menjadi material di dalam kes ini. Kami merujuk kepada firman Allah s.w.t di dalam **surah Al Ankabut ayat 2:**



**2. Patutkah manusia menyangka Bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)?**

3.15 Di sini, suka kami ingin memberi peringatan bahawa Allah s.w.t juga telah berfirman di dalam **Surah Ali- Imran ayat 14:-**



14. *Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan Yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia, dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali Yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).*

3.16 Tambahan lagi di dalam ungkapan Imam Ibnu Hajar ini selaras dengan hadis Nabi shallallahu 'alaihi wasallam yang diriwayatkan dari Usamah Bin Zaid. Beliau bersabda,

**مَا تَرَكَتْ بَعْدَ يَفِئْتِنَا أَصْرَ عَلَيَا لِرَجَالِ مِنَ النِّسَاءِ**

*"Aku tidak meninggalkan satu fitnah pun yang lebih membahayakan para lelaki selain fitnah wanita."(HR. Bukhari: 5096 dan Muslim: 2740)*

3.17 Seterusnya, Mahkamah merujuk kepada kes **Hasmah Shafi'e lwn. Juhari Abdul Ghani [2004] CLJ (Sya)**, Y.A.A Dato' Ismail bin Yahya Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah memutuskan gugur talaq tiga kali pertama (bain kubra) antara Pemohon dan Responden berdasarkan kepada iqrar Responden iaitu Juhari bin Abdul Ghani bahawa dia telah melafazkan cerai ke atas Hasmah bt Shafi'e dengan lafaz talaq tiga sekaligus (bain kubra) dengan lafaz "aku ceraimu Hasmah dengan talaq tiga". Seterusnya pemohon iaitu Hasmah bt Shafi'e diperintahkan beriddah dengan 3 kali suci bermula tarikh berlaku perceraian tersebut.

3.18 Keputusan yang sama juga telah dibuat oleh Mahkamah di dalam kes **Mohd. Zuhdi lwn Norsharifah [2004] 17 JH 175**. Di dalam kes tersebut pihak isteri (Defendan) telah diceraikan melalui telefon dengan lafaz talaq tiga. Perceraian ini berlaku di luar Mahkamah setelah berlaku pertengkaran antara Plaintiff dengan Defendan. Mahkamah, setelah berpuashati dengan keesahan lafaz tersebut dan kedua-dua pihak bermazhab Shafiei, mensabitkan cerai talaq tiga. Kedua-dua pihak telah merayu dengan alasan bahawa pada masa lafaz itu dibuat Plaintiff berada dalam keadaan yang tersangat marah. Rayuan tersebut telah ditolak oleh

Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan dengan mengekalkan alasan dan keputusan Mahkamah Rendah Syariah.

3.19 Mahkamah berpuas hati bahawa Responden berada di dalam waras dan tiada unsursihir semasamelafazkan lafaz cerai terhadap Perayu. Mahkamah berpandangan ia adalah suatu iqrar yang mengikat diri Respondendan diterima oleh Mahkamah sebagai suatu iqrar dalam mensabitkan sesuatu hukum.

#### **4. Keputusan**

Dengan ini, setelah meneliti Alasan Rayuan, Rekod rayuan dan hujahan kedua-dua belah pihak yang terlibat, kami secara hormatnya bersetuju memutuskan sebagaimana berikut:

1. Rayuan Perayu **DITOLAK**
2. Keputusan kes yang telah diputuskan pada 16 Februari 2017 melalui kes Mal No: 1111-111-1111-2015 **DIKEKALKAN**

Penghakiman ini diberikan oleh:

.....

Y.A. Dato' Haji Mohd Yazid bin Haji Mustafa

Pengerusi

Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

Negeri Terengganu

Dipersetujui oleh:

.....

Y.A. Dato' Haji Abdul Walid bin Abu Hassan

Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

Negeri Terengganu

.....

Y.A. Tuan Haji Rosdi bin Harun

Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah

Negeri Terengganu